

# Graduan bekerja di luar negara harta intelektual

RM-26/7/2004:5 Perdana

**M**ELAKA 25 Julai — Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, pelajar Malaysia yang menuntut di luar negara dan terus bekerja di negara berkenaan perlu dianggap sebagai harta intelektual negara.

Beliau berkata, negara maju terbabit perlu membayar kepada Malaysia di atas penggunaan kepakaran graduan terbabit.

"Ini (graduan luar negara) juga harta intelek, negara maju perlu bayar kepada negara kita apabila mengambil bakat-bakat yang baik daripada kita untuk bekerja di negara mereka," ujarnya.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas menerima anugerah Ijazah Kehormat Dok-

tor Sains Keilmuan daripada Universiti Multimedia (MMU) sempena konvokesyen kelima universiti itu di Seri Negeri, Ayer Keroh dekat sini hari ini.

Anugerah Ijazah Kehormat itu diberikan kepada Dr. Mahathir bagi menghargai jasa beliau terhadap pembangunan bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta era keilmuan di negara ini.

Majlis itu disempurnakan oleh Canselor MMU, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Sebanyak 2,585 graduan daripada tujuh fakulti menerima ijazah dan diploma masing-masing pada majlis konvokesyen tersebut.

Dr. Mahathir seterusnya berkata, kerajaan te-

lah mengeluarkan perbelanjaan yang begitu besar untuk menyediakan pelajaran dan menghantar pelajar terbaik dari negara ini untuk menuntut di institusi-institusi pengajian tinggi (IPT) di luar negara.

Katanya, pelajar berkenaan sepatutnya pulang semula ke tanah air apabila tamat pengajian kerana negara kekurangan cerdik pandai bagi membangunkan negara.

Menurut Dr. Mahathir, adalah tidak adil untuk negara sekiranya pelajar yang dihantar ke luar negara terus bekerja di negara mereka belajar sedangkan perbelanjaan untuk mereka belajar dikeluarkan oleh Malaysia.

"Kita belanja wang yang banyak untuk memberi rakyat pelajaran.

Apabila mereka sudah belajar dengan menggunakan wang negara, negara maju memilih untuk mengambil yang berbakat dengan tidak perlu mengeluarkan belanja yang begitu banyak," ujarnya.

Bekas Perdana Menteri itu mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam yang menagjak rakyat negara ini yang bekerja di luar negara agar kembali semula ke tanah air.

Dr. Mahathir berkata, sesetengah pelajar Malaysia yang enggan pulang ke tanah air selepas menamatkan pengajian mungkin tertarik dengan tawaran kerja yang menawarkan pendapatan lumayan.

"Kalau kita mahukan khidmat daripada mere-

ka, kita perlu wujudkan suasana dan imbuhan sebanding dengan yang mereka peroleh di luar negara," katanya.

Bagaimanapun, katanya, imbuhan itu tidak bermakna jumlah pendapatan yang sama kerana kos sara hidup di negara ini lebih rendah.

Tambahnya, mungkin pendapatan yang mereka peroleh di negara ini separuh daripada yang ditawarkan oleh negara maju tetapi mereka tetap menikmati kehidupan yang sama di negara maju.

Mengenai pentingnya penguasaan ilmu, beliau berkata, tahap penguasaan ilmu di kalangan rakyat negara ini masih jauh terkebelakang bagaimanapun dalam kelompok negara membangun, Malaysia lebih baik.



**DR. MAHATHIR** Mohamad menunjukkan ijazah kehormat Doktor Sains Keilmuan kepada Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali selepas Majlis Konvokesyen ke-5 Universiti Multimedia di Dewan Seri Negeri di Ayer Keroh semalam.